

Teks Ucapan
YB Menteri Kanan Kerja Raya

Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima Tender (SST) dan Penyerahan Projek Siap Bagi Projek di bawah Pelaksanaan Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya Malaysia

21 Oktober 2021 (Khamis), Bilik Tanjung KKR

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

SALUTASI:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua, kita dapat bersama–sama di **Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima Tender (SST) dan Penyerahan Projek Siap Bagi Projek Di Bawah Pelaksanaan KKR dan JKR Malaysia** pada hari ini.

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran YB Tuan Khairy Jamaluddin, Menteri Kesihatan, kerana sudi melapangkan waktu untuk bersama-sama kita pada hari ini. Terima kasih juga kepada YBhg. Datuk Seri, Dato’-Dato’, tuan-tuan dan puan-puan yang turut hadir untuk bersama-sama menjayakan majlis ini.

Yang Berhormat, YBhg. Dato’-Dato’, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati,

3. Sebagaimana kita sedia maklum, seluruh dunia terkesan dengan penularan pandemik Covid-19, termasuklah Malaysia. Pelbagai sektor ekonomi terjejas akibat pandemik terutamanya sektor pembinaan iaitu salah satu sektor yang menggerakkan sebanyak 196 sub-sektor lain termasuk pembangunan hartanah, pengilangan, pembuatan produk pembinaan, perkhidmatan logistik dan perkhidmatan perunding profesional dalam rangkaian pembinaan.

4. Pada tahun ini, kebanyakan sektor ekonomi negara telah mula dibenarkan beroperasi secara berperingkat dan Kerajaan juga telah mengambil pelbagai inisiatif untuk memulihkan semula ekonomi negara melalui pelaksanaan projek-projek Kerajaan. Bagi memastikan sektor pembinaan terus menjadi salah satu sektor teras yang menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara, Kementerian Kerja Raya (KKR) telah merangka beberapa strategi bagi merancakkan semula ekonomi negara terutamanya sektor pembinaan. Salah satu strategi tersebut ialah dengan mempercepatkan pengeluaran Surat Setuju Terima (SST) kepada syarikat-syarikat yang terpilih dalam proses perolehan Kerajaan. Bagi tujuan tersebut, KKR telah mensasarkan sebanyak 120 SST dikeluarkan sehingga akhir tahun ini. Setakat ini, sebanyak 81 SST telah pun dikeluarkan kepada kontraktor yang berjaya dan bakinya dalam proses untuk dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).

5. Majlis Penyerahan pada petang ini melibatkan **lima (5) penyerahan SST kepada kontraktor yang berjaya dan penyerahan satu (1) projek siap**. Lima projek yg terlibat untuk serahan SST adalah seperti berikut:

i) **Projek Pusat Kawalan Penyakit Negara (*National Centre for Disease Control (NCDC)*) – Reka & Bina**, yang akan dilaksanakan oleh syarikat Nepturis Sdn Bhd dan Permata Rebana Sdn Bhd JV dengan nilai kontrak sebanyak **RM284 juta** dan tempoh kontrak selama **196 minggu (3 tahun 9 bulan)**.

- Projek yang akan dibina di atas Lot 34671, Lengkok Teknologi, Kawasan Perindustrian Enstek, Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus yang berkeluasan 20 ekar. Projek ini melibatkan pembinaan *Executive Centre, Disaster, Outbreak, Crisis and Emergency Response Centre (DOCE), Public Health Reference Laboratory (PHRL) dan Supporting Departments*.
- Tujuan projek ini dilaksanakan adalah untuk mengintegrasikan dan memperkukuhkan aktiviti kawalan dan pencegahan penyakit serta menyediakan perkhidmatan makmal diagnostik dan pengesahan analitik bertaraf tinggi yang lebih selamat dan teratur. Projek ini dilaksanakan demi

kepentingan kesihatan dan kesejahteraan Keluarga Malaysia.

- Penubuhan NCDC juga dilihat sebagai pusat rujukan bagi negara-negara jiran di rantau Asia Pasifik khususnya dan serantau amnya.

ii) Projek kedua ialah **Menaiktaraf Jalan Muar – Tangkak – Segamat: Jalan Pintas Dari Kolej Matrikulasi Ke Kawasan Perindustrian Tangkak, Johor** yang akan dilaksanakan oleh syarikat **SLP Construction Sdn. Bhd.** dengan nilai kontrak sebanyak **RM183 juta** dan tempoh kontrak selama **tiga (3)** tahun.

- Projek ini melibatkan pembinaan jalan baharu empat (4) lorong dua (2) hala piawaian JKR R5 sepanjang 8.1 kilometer, pembinaan empat (4) buah jambatan dan satu (1) *Vehicular Box Culvert* (VBC) serta pembinaan tujuh (7) persimpangan dan dua (2) pusingan U, pemasangan lampu jalan dan pengalihan utiliti.
- Tujuan utama projek ini dilaksanakan adalah untuk mengurangkan masa perjalanan dari Segamat ke Muar, tanpa melalui Bandar Tangkak. Justeru, ia membantu mengurangkan kesesakan di Bandar Tangkak, terutamanya pada waktu puncak dan musim perayaan.

- iii) Bagi projek ketiga iaitu **Projek Membina Jalan Penghubung Di Antara Kampung Guntur Ke Langkap, Kuala Pilah Negeri Sembilan** akan dilaksanakan oleh syarikat **AD Mutiara Sdn. Bhd.** dengan nilai kontrak sebanyak **RM58 juta** dan tempoh kontrak selama **48 bulan (4 tahun)**.
- Projek ini dilaksanakan secara Reka dan Bina dengan menggunakan kaedah *Building Information Modelling (BIM)*.
 - Projek ini melibatkan keseluruhan pembinaan jalan baharu sepanjang 6 kilometer dengan piawaian JKR R2, membina sebuah jambatan sepanjang 35 meter dan menaik taraf persimpangan sedia ada.
 - Pembinaan jalan ini bakal memberi manfaat kepada masyarakat setempat kerana ia akan menghubungkan penduduk luar bandar dari perkampungan Orang Asli Guntur hingga ke Kampung Orang Asli Langkap, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
- iv) Projek yang keempat pula adalah projek **Pembinaan Tapak Simulasi Bencana Bagi Pasukan Mencari Dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) di Markas SMART, Pulau Meranti Selangor** yang akan dilaksanakan oleh syarikat **B&I Builder Sdn. Bhd.** dengan nilai kos kontrak sebanyak **RM29.9 juta** dan tempoh kontrak selama **24 bulan (2 tahun)**.

- Projek ini melibatkan pembangunan kawasan latihan seluas 9.4 ekar di dalam sebahagian kawasan Markas SMART di Pulau Meranti Selangor.
 - Objektif utama projek ini dilaksanakan adalah untuk melatih pegawai dan anggota Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) serta Agensi Penyelamat yang lain sewaktu berhadapan dengan pelbagai situasi bencana dan kecemasan.
- v) Kontraktor yang terakhir yang berjaya menerima SST pada petang ini bagi **Projek Pembinaan Sekolah Baharu 24 Bilik Darjah Dan Lain-Lain Kemudahan Di Sekolah Menengah Kebangsaan Gong Nangka, Marang, Terengganu** adalah syarikat **Haji Embong Sdn. Bhd.** dengan nilai kontrak sebanyak **RM49.5 juta** dan tempoh kontrak selama **128 minggu (2 tahun 8 bulan)**.
- Komponen pembangunan projek adalah terdiri daripada Blok Pentadbiran, Blok Akademik (Bilik Darjah dan Makmal – Bengkel), Blok kantin, Blok Surau dan Blok-Blok Sokongan.

6. Selain sesi penyerahan SST, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada **Jabatan Kerja Raya**

dan pihak Kontraktor Aktif Unggul Sdn Bhd di atas kejayaan menyiapkan **Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan FT45 Dari Sungai Buloh Ke Assam Jawa, Daerah Kuala Selangor, Selangor.** Saya difahamkan projek ini berjaya disiapkan pada Tarikh Siap yang ditetapkan iaitu 5 Julai 2021 dengan nilai kontrak sebanyak RM418 juta.

7. Untuk makluman para hadirin sekalian, projek ini melibatkan naiktaraf jalan sedia ada daripada dua (2) lorong dua (2) hala kepada empat (4) lorong dua (2) hala mengikut piawaian JKR R5 sepanjang 25 kilometer. Skop projek ini juga adalah termasuk kerja-kerja naik taraf lima (5) persimpangan sedia ada, membina dua (2) jejantas pejalan kaki beserta laluan motosikal dan membina dua (2) buah jambatan baharu.

8. Projek naiktaraf jalan ini dilaksanakan bagi memastikan laluan ini sentiasa dalam keadaan selamat. Ia juga mengambil kira akan aliran trafik yang semakin bertambah saban tahun di kawasan setempat, kesan daripada aktiviti pembangunan yang pesat.

9. Semoga dengan penyerahan projek ini, ia akan memberi keselesaan kepada pengguna laluan FT54, meningkatkan keselamatan dan kelancaran trafik serta memberi manfaat kepada penduduk di sekitar Kuala Selangor, daerah yang terkenal dengan sektor pelancongan.

10. Tahniah saya ucapkan kepada semua syarikat kontraktor yang berjaya memperolehi SST pada hari ini. Ingin saya tegaskan di sini bahawa projek-projek yang dipelawa merupakan projek yang melibatkan fasiliti awam demi kepentingan dan kesejahteraan Keluarga Malaysia. Justeru, pihak kontraktor perlu memastikan projek yang diawadkan dan diperolehi ini berjalan lancar dan berjaya disiapkan seperti mana syarat-syarat yang terkandung di dalam kontrak kelak.

11. Besar harapan saya agar para kontraktor menggunakan peluang yang diberikan ini, kerana tidak semua kontraktor mendapat kepercayaan dan peluang seperti mana tuan-puan dapat. Maka, galaslah tanggungjawab ini dengan sebaik-baiknya. Semoga projek-projek ini dapat diserahkan dengan sempurna dan memberikan kepuasan kepada pihak pelanggan dan pengguna.

12. Akhir kata, setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Kementerian Pelanggan di atas kepercayaan penuh yang diberikan kepada KKR melalui JKR Malaysia selaku agensi pelaksana.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullah Hiwabarakatuh.